


UNDANG2 No. 7 Tahun 1961  
UNDANG2 PENDAFTARAN  
JURURAWAT2, 1961

Beta bersetuju,



D.Y.M.M. SULTAN  
SIR OMAR ALI SAIFUDDIN  
*Brunei.*  
11.12.61

## UNDANG2 PENDAFTARAN JURURAWAT2, 1961

### SUSUNAN BAB2

#### *Bab*

1. Gelaran pendek dan permulaan.
2. Menuboh dan mengadakan suatu Lembaga Jururawat.
3. Daftar bagi Jururawat2.
4. Peratoran2.
5. Pemasokkan kadalam Daftar bagi orang2 yang di-lateh di-luar Negeri.
6. Rayuan terhadap pemotongan dari Daftar atau terhadap kaengganen membenarkan pertubohan.
7. Memberi notis.
8. Chara apabila membuat rayuan.
9. Hukoman2 bagi keguna'an dengan jalan salah gelaran jururawat yang berdaftar dan bagi keguna'an Daftar dengan jalan palsu.

*Satu Undang2 untok mengadakan pendaftaran bagi jururawat2 orang sakit.*

[ ]

Ada-lah di-perbuat oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri saperti berikut :

Gelaran pendek dan permulaan.

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2 Pendaftaran Jururawat2, 1961, dan akan berjalan kuat kuasanya pada tarikh yang di-tetapkan oleh Sultan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

Menuboh dan mengadakan suatu Lembaga Jururawat.

2. (1) Bagi maksud2 Undang2 ini maka akan di-tubuhkan suatu Lembaga Kejururawatan bagi Negeri Brunei (dalam Undang2 ini di-sebutkan sebagai "Lembaga").

(2) Lembaga itu akan di-tubuhkan menurut isi-kandongan2 yang terkandung dalam peratoran2 yang di-buat di-bawah Undang2 ini.

Daftar bagi Jururawat2.

3. (1) Ada-lah menjadi kewajipan Lembaga untok mengadakan dan menyimpan satu daftar jururawat2 orang sakit (dalam Undang2 ini di-sebutkan sebagai "Daftar") terta'alok dan menurut isi-kandongan2 Undang2 ini, dan nama2 semua orang yang termasuk dalam Daftar itu hendak-lah di-siarkan pada tiap2 tahun dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Daftar itu hendak-lah mengandongi bahagian2 yang berikut :—

(a) satu bahagian yang mengandongi nama2 semua jururawat yang memenohi sharat2 bagi di-masokkan ka-bahagian Daftar itu;

(b) satu bahagian yang mengandongi nama2 jururawat yang terlatah dalam perkara merawat dan menjaga orang2 yang mengidap penyakit2 otak;

- (c) satu bahagian yang mengandongi nama2 jururawat yang terlately dalam perkara merawat kanak2 yang sakit;
- (d) satu bahagian yang mengandongi nama2 jururawat yang terlately dalam perkara merawat orang2 yang mengidap penyakit batok kering atau lain2 penyakit yang berjangkit;
- (e) satu bahagian yang mengandongi nama2 semua pembantu rumah sakit; dan
- (f) mana2 bahagian tertentu yang lain :

Dengan syarat bahawa jika sesaorang memuaskan hati Lembaga itu tentang syarat2 bagi memasuki sebarang bahagian dari Daftar itu, maka nama-nya boleh-lah di-masokkan ka-dalam bahagian atau bahagian2 tersebut dari Daftar itu.

(3) Dalam sebarang perbicharaan, satu salinan *Warta Kerajaan* yang mengandongi sinarai nama2 yang terbaharu sekali dalam Daftar akan berupa keterangan *sepintas lalu*, dan satu sijil yang di-tandatangani oleh Pengurus Lembaga itu akan berupa keterangan yang mu'tammad, bahawa orang2 yang di-sebutkan nama-nya dalam sinarai atau sijil itu ada-lah, atau tidak-lah, di-daftarkan di-bawah Undang2 ini.

(4) Apa jua sebutan dalam Undang2 ini terhadap Daftar hendak-lah, kechuali maksud-nya berkehendakan ma'ana yang lain, di-anggap termasuk sebutan terhadap sebarang bahagian dari Daftar itu, dan perkata'an2 "di-daftarkan" dan "berdaftar" akan di-ibaratkan dengan sewajar-nya.

**Peratoran2.**

4. (1) Terta'alok kepada isi-kandongan2 Undang2 ini, Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 bagi semua atau salah satu dari maksud2 berikut :—

- (a) untok mengatorkan penubohan, pemeliharaan dan penyiaran Daftar;
- (b) untok mengatorkan syarat2 bagi memasoki Daftar;
- (c) untok mengatorkan perjalanan sebarang pepereksaan yang boleh di-tentukan sebagai satu syarat memasoki Daftar, dan sebarang perkara2 tambahan kapada atau berhubong dengan sebarang pepereksaan2 itu;
- (d) untok menentukan sebab2 bagi yang mana, syarat2 di-bawah mana dan chara yang mana jururawat2 boleh di-potong nama-nya dari Daftar, dan peratoran bagi mengembalikan nama2 ka-dalam Daftar bagi jururawat2 yang telah di-potong nama2-nya dari Daftar;
- (e) untok menentukan bentok Lembaga dan mengatorkan pemanggilan mashuarat2 Lembaga dan perjalanan2 mashuarat Lembaga (termasok quorum);
- (f) untok membolehkan Lembaga memben-tok jawatankuasa2 dan membenarkan penyerahan kapada jawatankuasa2 itu sebarang kuasa Lembaga dan untok mengatorkan perjalanan2 mashuarat (termasok quorum) jawatankuasa2 itu;
- (g) untok menentukan bayaran2 yang akan di-bayar;
- (h) 'am-nya untok mengadakan isi-kandongan bagi sebarang perkara mengenai mana Sultan dalam Majlis Mashuarat berfikir bahawa isi-kandongan patut-lah di-buat bagi maksud2 memperkuat-kuasakan Undang2 ini (termasok isi-kandongan bagi mengeluarkan sijil2 ka-

pada jururawat2 yang berdaftar di bawah Undang2 ini dan mengenai gelaran2 yang boleh di-gunakan dan pakaian2 atau lenchana2 yang boleh dipakai oleh Jururawat2 yang telah berdaftar), dan untok menentukan sebarang apa yang hendak di-tentukan di bawah Undang2 ini.

(2) Peratoran2 di-bawah bab ini akan mengandongi isi-kandongan2 :—

- (a) menghendaki sebagai satu sharat pemasokkan mana2 orang ka-dalam Daftar bahawa orang itu hendak-lah telah menempoh latehan yang di-tentukan, dan hendak-lah mempunyai pengalaman yang di-tentukan, dalam perkara merawat orang sakit;
- (b) menghendaki supaya latehan yang di-tentukan itu di-jalankan sama ada dalam sabuah pertubohan yang di-benarkan oleh Lembaga bagi maksud itu atau pun dalam perkhidmatan Jabatan Tendra Laut, Jabatan Tendra Darat atau Jabatan Tendra Udara; dan
- (c) membolehkan orang2, dalam tempoh dua tahun selepas tarikh peratoran2 yang akan di-buat di-bawah isi-kandongan2 dari fasal ini mula2 di-perkuatkuasakan, yang membuat permohonan bagi maksud itu (dalam Undang2 ini di-sebutkan sebagai “satu permohonan jururawat yang ada sekarang”) untok di-masokkan ka-dalam Daftar apabila di-tunjokkan keterangan, yang memuaskan Lembaga, bahawa mereka mempunyai kelakuan yang baik, berumor seperti yang di-tentukan, dan ada-lah orang2 yang sebelum berjalannya

kuat-kuasa Undang2 ini, *sebenarnya* bekerja sebagai jururawat2 yang merawat orang sakit dengan keadaan2 yang pada pendapat Lembaga memuaskan bagi maksud2 isi-kandongan ini dan mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang chukop bagi merawat orang sakit.

Pemasokkan  
kadalam  
Daftar bagi  
orang2 yang  
di-lateh  
di-luar  
Negeri.

5. (1) Barang siapa yang nama-nya ada berdaftar dalam mana2 bahagian atau bahagian2 dari Daftar yang di-simpan oleh Majlis Kejururawatan 'Am bagi Negeri2 England dan Wales, atau dari Daftar yang di-simpan oleh Majlis Kejururawatan 'Am bagi Negeri Scotland, atau dari Daftar yang di-simpan oleh Majlis Kejururawatan dan Kebidanan Bersatu bagi Negeri Ireland Utara, atau dari Daftar yang di-simpan oleh Majlis Kejururawatan 'Am bagi Negeri Eire, atau dari Daftar yang di-simpan oleh Lembaga Kejururawatan bagi Persekutuan Tanah Melayu, Negara Singapura, Tanah Jajahan Sarawak atau Tanah Jajahan Borneo Utara, dan siapa menunjokkan satu sijil daripada Majlis atau Lembaga, mengikut sebagaimana keadaannya, dari sebarang negeri2 yang di-sebutkan terdahulu ini mengakui bahawa nama-nya adalah di-daftarkan sebagai sa-orang jururawat, hendaklah, apabila membuat satu permohonan dalam chara yang di-tentukan, dan apabila memuaskan Lembaga tentang pengenalan diri dan kelakuan bagi permohonan2 biasa, untok di-daftarkan di-bawah Undang2, berhak untok di-daftarkan juga di-bawah Undang2 ini.

(2) Jika mana2 orang membuktikan sehingga memuaskan Lembaga bahawa dia telah di-lateh di-mana2 tempat di-luar negeri di-mana darjah latehan dan pepereksaan tidak-lah rendah dari darjah latehan dan pepereksaan yang di-kehendaki di-bawah Undang2 ini, sama ada sebagai sa-orang jururawat 'am atau pembantu rumah sakit bagi orang sakit, atau sebagai sa-orang jururawat atau pembantu rumah sakit dalam sesuatu bahagian

khas, dan memuaskan Lembaga tentang pengenalan diri dan kelakuan baik-nya, maka Lembaga boleh sama ada selepas pepereksaan atau dengan tiada pepereksaan apabila di-bayar satu bayaran kechil yang di-tentukan bagi pendaftaran di-bawah Undang2 ini, memerintah supaya orang tersebut hendak-lah di-daftarkan ka-dalam bahagian atau bahagian2 yang bersesuaian dari Daftar itu.

Rayuan terhadap pemotongan dari Daftar atau terhadap kaengganan membenarkan pertubohan.

6. (1) Barang siapa yang terkilan oleh pemotongan nama-nya dari Daftar boleh, dalam masa tiga bulan selepas tarikh apabila notis telah di-beri kapada-nya oleh Lembaga bahawa nama-nya telah di-potong, merayu terhadap pemotongan itu kapada Sultan dalam Majlis Mashuarat, dan apabila dibuat rayuan tersebut maka Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh memberi perintah2 yang sedemikian dalam perkara itu mengikut sebagaimana yang di-fikirkan patut.

(2) Barang siapa yang terkilan oleh kaengganan Lembaga untok membenarkan sebarang pertubohan bagi maksud2 peratoran2 di-bawah Undang2 ini mengenai latehan boleh merayu terhadap kaengganan itu kapada Sultan dalam Majlis Mashuarat dan Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh memberi perintah2 yang sedemikian yang di-fikirkan-nya patut dan Lembaga hendak-lah menurut sebarang perintah yang di-beri-nya itu.

Memberi notis.

7. Sebarang notis, yang di-perentahkan untok di-beri kapada mana2 orang di-bawah isi-kandongan2 Undang2 ini atau peratoran2 yang di-buat di-bawah-nya, akan di-anggap telah di-serah kapada orang yang tersebut jika notis itu telah di-hantar sechara di-poskan serta berdaftar (registered post) ka-alamat yang di-beri dalam Daftar, atau jika orang tersebut belum lagi di-daftarkan, ka-alamat yang di-beri oleh-nya kapada Lembaga.

Shara apabila membuat rayuan.

8. (1) Tiap2 rayuan di-bawah bab 6 hendak-lah dibuat sechara rayuan yang bertulis dan rayuan tersebut, melainkan di-sharatkan sebalek-nya, hendak-lah di-hantar dalam masa empat belas hari dari



tarikh penerima'an keputusan Lembaga oleh orang yang berkenaan itu.

(2) Dengan di-terima rayuan tersebut maka Sultan Dalam Majlis Mashuarat boleh menimbang-kan sebarang jawapan bertulis daripada Lembaga terhadap rayuan tersebut.

(3) Keputusan Sultan dalam Majlis Mashuarat mengenai rayuan tersebut ada-lah mu'tammad.

Hukoman2 bagi keguna'an dengan jalan salah gelaran jururawat yang berdaftar dan bagi keguna'an Daftar dengan jalan palsu.

9. (1) Tiap2 orang siapa —

(a) bukan-nya sa-orang yang telah di-daf-tarkan di-bawah Undang2 ini memakai atau menggunakan gelaran jururawat yang berdaftar atau gelaran yang sa-umpama itu dalam sebarang bahasa lain, sama ada gelaran itu sahaja atau bersama dengan sebarang perkataan2 atau huruf2 lain, atau menggunakan sebarang nama, gelaran, tambahan, sebutan, pakaian atau lenchana yang mensifatkan bahawa dia ada-lah di-daftarkan di-bawah Undang2 ini atau di-akui oleh Undang2 sebagai sa-orang jururawat yang berdaftar, atau menggunakan sebarang gelaran, pakaian atau lenchana yang di-tentukan bagi kegunaan jururawat2 yang berdaftar di-bawah Undang2 ini; atau

(b) sa-orang yang nama-nya ada-lah di-masokan ka-dalam sebarang bahagian dari Daftar, menggunakan sebarang nama, gelaran, tambahan, sebutan, pa-kiaan atau lenchana, atau sebak-nya melakukan sebarang perbuatan dari apa jenis pun, mensifatkan bahawa nama-nya ada-lah di-masokkan ka-dalam sebarang bahagian lain dari Daftar di-dalam mana nama-nya tidak di-masokkan; atau

- (c) dengan tujuan untuk menipu menggunakan sebarang sijil pendaftaran sebagai sa-orang jururawat yang di-keluarkan di-bawah Undang2 ini kapada-nya atau kapada mana2 orang lain,

apabila di-hukom oleh sabuah Mahkamah Majisteret, akan di-kenakan denda sebanyak tidak lebeh daripada lima ratus ringgit atau penjara selama tidak lebeh daripada dua belas bulan atau kedua2-nya denda dan penjara tersebut.

(2) Tiap2 orang yang dengan sengahaja membuat atau menyebabkan di-buat sebarang perbuatan falsu dalam sebarang perkara mengenai Daftar, apabila di-hukom oleh sabuah Mahkamah Majisteret, akan di-kenakan denda sebanyak tidak lebeh daripada saribu ringgit dan penjara selama tidak lebeh daripada dua belas bulan.

Di-luluskan pada 6 haribulan December, 1961

PENGIRAN MOMIN  
*Juru Tulis*  
*Majlis Mashuarat Negeri,*  
*Brunei.*

[AG. 21/61]